



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) kerana berjaya menganjurkan Majlis Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 pada hari ini.
2. Penganjuran Majlis Perhimpunan ini merupakan pengiktirafan terhadap peranan kesatuan sekerja sebagai rakan sosial kepada Kerajaan dalam menyuarakan isu-isu berkaitan pekerja dan memastikan kebajikan serta hak-hak pekerja sentiasa terpelihara dan dilindungi. Selain itu, Majlis Perhimpunan ini boleh dijadikan sebagai platform khas bagi semua kesatuan sekerja di seluruh Malaysia untuk berkongsi idea dan pandangan berkaitan pergerakan kesatuan sekerja melalui sesi forum diskusi yang telah diadakan.
3. Penganjuran Majlis Perhimpunan ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kesatuan sekerja/ tokoh kesatuan sekerja yang telah mencurahkan usaha, sumbangan dan pencapaian dalam memperjuangkan hak dan kepentingan pekerja di Malaysia. Kementerian merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada lima (5) penerima anugerah iaitu Anugerah Khas Menteri Sumber Manusia, Anugerah Tokoh Kesatuan Sekerja serta Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh bagi Sektor Awam, Sektor Swasta dan Badan Berkanun.
4. Berteraskan konsep Malaysia MADANI, KESUMA melalui JHEKS telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan meneruskan pelaksanaan inisiatif dan pengagihan peruntukan kepada kesatuan sekerja pada tahun 2024. Peruntukan ini adalah bagi membantu kesatuan-kesatuan menjalankan aktiviti berkesatuan agar mempromosikan hak pekerja dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan majikan mengenai hak asasi manusia. Selaras dengan inisiatif tersebut, peruntukan yang telah disalurkan bagi **Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) Tahun 2024 adalah sebanyak RM 5.87 juta.**

5. **Akta Kesatuan Sekerja 1959 Pindaan 2024 telah berkuatkuasa mulai 15 September 2024.** Penguatkuasaan akta ini akan memperkasakan kesatuan sekerja di Malaysia kerana: -
- (i) Kekangan-kekangan dalam penubuhan kesatuan sekerja telah dikurangkan. Pekerja-pekerja mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan dalam menganggotai dan menubuhkan kesatuan sekerja;
 - (ii) Apabila lebih banyak kesatuan sekerja ditubuhkan, pekerja mempunyai ruang yang lebih besar untuk berunding dengan majikan bagi melaksanakan perjanjian kolektif yang membawa manfaat kepada pekerja; dan
 - (iii) Membolehkan undang-undang perburuhan di Malaysia menepati piawaian buruh antarabangsa berkaitan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja.
6. Sehingga September 2024, bilangan kesatuan sekerja di Malaysia telah **mencapai 759 kesatuan** sekerja dengan keanggotaan seramai **1,030,151 orang**. Kementerian mengharapkan lebih ramai pekerja menganggotai kesatuan sekerja apabila pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 dikuatkuasakan.
7. Kerajaan berharap kesatuan sekerja di negara ini bergerak secara aktif dan berkesan dan sentiasa berusaha mengangkat martabat pekerja dengan memastikan kebajikan, kemahiran dan keberhasilan anggota-anggota kesatuan terus dijaga dan diberi keutamaan. Usaha ini penting bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia supaya ianya setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
14 NOVEMBER 2024